

08 NOV 2000

Mahathir-Pelajar

PELAJAR PERLU SENSITIF TERHADAP ADAT KAUM-KAUM LAIN

PUTRAJAYA, 8 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini para pelajar harus diterapkan sifat-sifat prihatin dan sensitif terhadap adat resam dan kebudayaan kaum-kaum lain di negara ini bermula dari peringkat sekolah lagi.

Perdana Menteri berkata ini dapat memastikan keamanan dan pembangunan yang dinikmati pelbagai kaum ini dapat dipertahankan dan mengelakkan ketegangan dan rusuhan antara kaum.

"Walaupun berlainan sekolah kita perlulah mencari peluang untuk berkumpul. Semua harus sensitif terhadap rakan-rakan lain... Melayu sensitif adat resam Cina dan India dan sebaliknya," katanya pada Program Cinta Negara Bersama Perdana Menteri di Sekolah Menengah Bestari Putrajaya, di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata pelajar harus belajar mengekalkan keamanan negara dari peringkat sekolah lagi dan hidup bersama dengan kaum lain kerana jika berlaku kacau-bilau dan huru-hara mustahil negara dapat dibangunkan.

Beliau berkata keamanan terus wujud di negara ini kerana rakyat sensitif terhadap kaum-kaum lain dan tidak membuat sesuatu yang menyinggung perasaan rakan-rakan mereka daripada bangsa lain.

Sebanyak 500 pelajar dari Kelab Komunikasi sekolah dari seluruh Semenanjung menghadiri majlis itu.

Turut hadir isteri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob dan Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad.

Beliau juga meminta para pelajar supaya menguasai teknologi maklumat (IT) kerana ia amat berguna di masa depan dan membantu seseorang membuat sesuatu keputusan dengan bijaksana.

"Sebab itulah kerajaan membelanjakan berbilion ringgit untuk mengadakan segala kemudahan IT, termasuk mewujudkan sekolah bestari. Kita harus bersyukur dengan kemudahan yang ada," katanya.

Ketika sesi soal jawab dengan para pelajar, Dr Mahathir berkata disiplin dan kawalan diri yang tinggi adalah sikap yang mesti ada bagi remaja yang bercita-cita menjadi pemimpin negara di masa depan, terutamanya bagi menghadapi cabaran globalisasi.

Menjawab pertanyaan tentang sekolah luar bandar yang dikatakan kurang mendapat kemudahan pembelajaran berbanding sekolah di bandar, Dr Mahathir berkata itu disebabkan oleh peruntukan yang terhad.

Katanya, bilangan pelajar juga lebih tinggi di bandar dan kerajaan perlu memastikan majoriti pelajar mendapat manfaat daripada segala kemudahan yang disediakan.

"Kita ada 8,000 sekolah tetapi kita tak boleh tukar semua jadi sekolah bestari. Kita mula dengan 90 dulu dan harap di satu masa nanti, semua sekolah di negara ini akan menjadi sekolah bestari," katanya.

-- BERNAMA

AR GM AKD